kursus pengendalian makanan

Kluang, 29 Mac 2010 - Bertempat di Dewan Tunku Ibrahim Ismail, Majlis Perbandaran Kluang (MPK) telah diadakan Kursus Pengendalian Makanan kali pertama bagi tahun 2010. Tujuan kursus ini adalah untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada semua pengendali makanan di Kluang dalam aspek kebersihan dan keselamatan makanan, diri serta premis makanan agar kejadian keracunan makanan dapat dielakkan.

Setiap pengendali makanan hanya perlu mengikuti kursus ini sekali seumur hidup dan boleh menjalani latihan tambahan untuk tujuan meningkatkan tahap pengetahuan, sikap dan amalan mengikut keperluan. Namun, pengendali makanan diwajibkan menghadiri semula kursus sekiranya berlaku kejadian keracunan makanan dan premis tidak sanitasi. Sijil kursus pengendali makanan akan diberikan kepada peserta pada akhir kursus sebagai bukti mengikuti kursus.

Kursus ini ditujukan khusus untuk pengendali makanan di kilang makanan dan minuman, hotel dan resort, restoran, kedai makan dan kafeteria, medan selera, pasaraya, bakeri, kedai roti dan kek, kantin sekolah, kantin dan dapur asrama sekolah, kantin IPTA/IPTS, kantin kilang dan pejabat, pusat jagaan dan tadika, katering, gerai makanan dan minuman, pasar malam, kantin dan dapur hospital serta PLKN.

Kegagalan menghadiri kursus ini boleh disabitkan kesalahan, denda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun.

Kursus tersebut telah disampaikan oleh penceramah jemputan khas daripada Institut Pendidkan dan Prasarana Johor (IPPJ), Encik Mohd Sanib Bin Haji Kemat. Majlis penutup disempurnakan oleh Setiausaha MPK, Tuan Haji Muzaldin Bin Haji Mohamed dan turut serta menjayakan program tersebut ialah ahli-ahli majlis MPK.

PELAN STRATEGIK MPK

Johor Bahru, 4 Mei 2009 - Bengkel Pelan Strategik bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor telah diadakan di Hotel Grand Paragon, Johor Bahru. Bengkel yang diadakan selama 2 hari itu telah dirasmikan oleh wakli rasmi Setiausaha Kerajaan Johor iaitu Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, En. Sidik Bin Paiman. Sebanyak 16 buah PBT telah terlibat dalam bengkel tersebut yang anjurkan oleh Kerajaan Negeri Johor sebagai platform pelaksanaan Pelan Starategik oleh semua PBT di Johor. Majlis Perbandaran Kluang (MPK) telah menghantar 12 orang perserta yang diketuai oleh Tuan Setiausaha, Haji Muzaldin Bin Hj Mohammed bersama-sama 11 orang pegawai yang terdiri daripada Ketua Jabatan dan Ketua Bahagian MPK. Bengkel tersebut telah diadakan bertujuan untuk membimbing PBT di Negeri Johor agar dapat mewujudkan pelan strategik yang komprihensif di PBT masing-masing selaras dengan matlamat memajukan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan awam. Bangkel ini telah membincangkan perkara-perkara utama dalam perancangan pembangunan dan perkhidmatan, kaedah dan tindakan pelaksanaan di PBT untuk tempoh setiap 5 tahun.

Antara objektif Pelan Strategik yang digariskan oleh MPK ialah memantapkan keupayaan dan kapasiti organisasi bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan, memperkasakan tadbir urus organisasi dan pembudayaan nilai-nilai murni ke arah kecemerlangan organisasi, memperkukuh dan memantapkan sumber hasil Majlis supaya dapat menyumbang kepada masyarakat, memperbanyakkan kemudahan dan infrastruktur awam bagi mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat dan memantapkan hubungan kerjasama yang strategik dengan stakeholder dan pelanggan bagi kemakmuran Daerah Kluang Dengan adanya Pelan Strategik ini, usaha MPK untuk meningkatkan mutu dan kualiti penyampaian perkhidmatan awam yang merangkumi pelbagai aspek pembangunan dan kemajuan akan dapat dicapai.

KURSUS DAN LATIHAN KEPADA ANGGOTA KERJA MPK TAHUN 2009/2010

BENGKEL PELAN STRATEGIK BAGI PBT JOHOR
PADA 4-5 MEI 2009 BERTEMPAT
DI HOTEL GRAND PARAGON, JOHOR BAHRU

BENGKEL PELAKSANAAN 84 PENAMBAHBAIKAN PBT
DI A' FAMOSA RESORT, MELAKA

KURSUS PENGURUSAN FAIL DAN REKOD
PADA 21-24 JUN 2009 BERTEMPAT
DI HOTEL SERI COSTA MELAKA

BENGKEL MANUAL PROSEDUR
KERJA DAN FAIL MEJA
PADA 13-16 JULAI 2009 BERTEMPAT DI
INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA
(INTAN) KAMPUS WILAYAH SELATAN, KLUANG

KURSUS PENULISAN SURAT RASMI DAN
MEMO BERKUALITI
PADA 29-30 OKTOBER 2009 BERTEMPAT
DI HOTEL SERI COSTA MELAKA

KURSUS KECEMERLANGAN DIRI
DAN KECEMERLANGAN JABATAN
PADA 7-9 MEI 2010 BERTEMPAT
DI TROPICAL FRUIT FARM MELAKA

BENGKEL MS ISO 9001:2008
PADA 8 - JUN 2010 BERTEMPAT
DI RESIDANCE INN , CHERATING, PAHANG

majlis sambutan MAULIDUR RASUL 2010/1431H

Kluang, 9 April 2010 - Majlis Perbandaran Kluang (MPK) telah menganjurkan majlis sambutan Maulidur Rasul Tahun 2010 bersamaan 1431H bertempat di Dataran Tasik, Kluang. Majlis yang bermula jam 8.30 malam itu telah dimulakan dengan alunan Marhaban yang dipersembahkan oleh Kumpulan Marhaban MPK diketuai oleh Encik Yusof Bin Mamat, diikuti bacaan doa oleh Encik Samian Bin Argi. Majlis tersebut diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang disampaikan oleh Qari undangan, Tuan Haji Aziz Bin Haji Mustakim dan seterusnya diserikan lagi dengan nyanyian nasyid oleh Kumpulan Nasyid MPK. Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Yang Dipertua MPK, Tuan Haji Abdul Rahman Bin Mohamed Dewam yang telah melahirkan rasa bersyukur dan berterima kasih kepada semua tetamu yang hadir khususnya warga kerja MPK dalam menjayakan dan memeriahkan majlis tersebut. Penceramah undangan pada malam itu adalah Profesor Madya Dr. Sharifah Hayati Binti Syed Ismail, daripada Jabatan Siasah Syariyyah Pusat Pengajian Islam Universiti Malaya dan ceramah yang disampaikan adalah bertajuk "Memberi Ucapan Tahniah Kepada Orang Lain" dalam konteks Islam. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri Johor, Tuan Haji Md Jais Bin Haji Sarday dan kehadiran pengunjung pada majlis tersebut adalah dianggarkan seramai 800 orang.

AKTIVITI GOTONG - ROYONG PERSIAPAN MAKANAN SEMPANA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

Kluang, 8 April 2010 - Aktiviti gotong royong dan persiapan sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul telah diadakan di Dewan Tunku Ibrahim Ismail, Majlis Perbandaran Kluang (MPK) bermula jam 8.30 malam. Anggota kerja MPK telah hadir beramai-ramai menjayakan aktiviti gotong-royong tersebut. Turut hadir bersama-sama memeriahkan suasana ialah Yang Dipertua MPK, Tuan Hj. Abdul Rahman bin Mohamed Dewam dan Setiausaha, Tuan Hj. Muzaldin bin Hj. Mohamed serta beberapa pegawai atasan Majlis. Persiapan makanan pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul dilakukan secara gotong-royong diketuai oleh seorang tukang masak yang juga anggota kerja MPK, Encik Razak Bin Atan dengan dibantu beberapa anggota lain. Antara masakan yang disediakan adalah nasi jagung, ayam masak merah, acar nanas, rendang daging, bubur jagung dan pelbagai juadah lain untuk sajian kepada anggota kerja MPK dan tetamu jemputan pada majlis tersebut yang diadakan pada keesokan harinya 9 April 2010.

Lawatan Sambil Belajar Ke MBSA

Shah Alam, 25 Mac 2010 - Majlis Perbandaran Kluang (MPK) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Program lawatan yang bermula pada 24 hingga 26 Mac 2010 itu adalah bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan daripada MBSA yang merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang lebih senior dan maju. Lawatan ini juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara MPK dan MBSA selain memberi ruang bertukar-tukar pandangan dan idea untuk faedah bersama. Seramai 51 orang terlibat dalam rombongan tersebut yang diketuai oleh Yang Dipertua sendiri, Tuan Haji Abdul Rahman Bin Mohamed Dewam. Majlis Mesyuarat Penuh MPK bulan Mac 2010 turut diaturkan bertempat di Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam sebagai sebahagian daripada program lawatan selama 3 hari di MBSA.

Sesi penerangan dan perbincangan di MBSA

Program lawatan ke Pasar Moden Seksyen 6, Shah Alam

Mesyuarat Penuh Majlis pada 26 Mac 2010 di Hotel Grand Blue Wave

Majlis Meraikan Mantan Ahli Majlis, Pesara, Bakal Haji dan Pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Penduduk

Kluang, 20 Oktober 2009 - Majlis Meraikan Mantan Ahli Majlis, Pesara, Bakal Haji Dan Pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Penduduk telah diadakan di Dewan Tunku Ibrahim Ismail, Kluang sebagai tanda penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih di atas segala jasa, bakti dan sumbangan yang telah dicurahkan kepada Majlis Perbandaran Kluang (MPK) sepanjang tempoh perkhidmatan. Seramai 11 orang bekas Ahli Majlis, 8 orang pesara dan 2 orang bakal haji diraikan pada majlis tersebut. Pada malam itu juga majlis penyerahan sijil pelantikan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penduduk telah disampaikan oleh Yang Dipertua, Tuan Haji Abdul Rahman Bin Mohamed Dewam kepada 120 orang pengerusi yang telah dipilih mengikut kawasan penempatan di dalam kawasan pentadbiran MPK.

Majlis pada malam itu telah diserikan lagi dengan kehadiran bekas mantan Yang Dipertua MPK yang kini berkhidmat sebagai Pegawai Daerah Kluang, Tuan Haji Abd Razak Bin Md Salleh. Majlis dimeriahkan dengan nyanyian karaoke oleh wakil bekas ahli majlis, wakil pesara dan Yang Dipertua MPK sendiri serta diselang-seli dengan acara cabutan nama bertuah.

MESYUARAT AGUNG KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPK

Kluang, 2 April 2010 - Mesyuarat Agung Kelab Sukan Dan Kebajikan (KSDK) Majlis Perbandaran Kluang kali ke-4 telah diadakan di Dewan Tunku Ibrahim Ismail pada jam 3.30 petang. Majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Samian Bin Argi, dan seterusnya ucapan perasmian oleh Setiausaha MPK merangkap Pengerusi KSDK, Tuan Haji Muzaldin Bin Haji Mohamed. Majlis tersebut diselitkan dengan penyampaian Sumbangan Pelajar Cemerlang kepada anak-anak ahli kelab yang mendapat keputusan cemerlang di dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM bagi tahun 2008. Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut ialah Ketua Whip Ahli Majlis MPK, Tuan Haji M. Arif bin Kataman, Timbalan Pengerusi KSDK, Muhammad Haii Bin Abu Hassan, Ahli-ahli Majlis dan ahli-ahli kelab.

Mesyuarat agong KSDK telah dimulakan pada jam 4.00 petang dan berakhir pada jam 5.30 petang yang membincangkan pelbagai isu, laporan kemajuan kelab dan usul bagi faedah ahli-ahli kelab. Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah Cabutan Bertuah kepada ahli-ahli kelab yang hadir.

Kejohanan Boling Berpasukan Antara PBT Malaysia di MITC Melaka

Melaka, 7 Mei 2010 - Pasukan Boling MPK yang diketuai oleh Setiausaha, Tuan Hj Muzaldin Bin Hj Mohamed telah menyertai Kejohanan Boling Berpasukan Antara PBT bagi merebut Piala Setiausaha Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) Edisi Ketiga tahunn 2010 bertempat di Melaka International Boling Centre (MiTC) Melaka.
MPK telah menghantar seramai sembilan orang yang mewakili tiga kumpulan iaitu Kumpulan MPK A, MPK B dan MPK C.

Sebanyak 58 pasukan dari PBT seluruh Malaysia telah menyertai kejohanan ini. Kumpulan MPK B berjaya menduduki tempat ke 24 yang terdiri daripada Tuan Haji Muzaldin, Roslan Nasir dan Mohd Azhari. Pingat kejuaraan dirangkul oleh pasukan DBKL A, naib johan oleh Majlis Bandaraya Ipoh A dan tempat ketiga Majlis Bandaraya Shah Alam A.